

# Govt exploring fuel supply options

## Vital to ensure availability of raw materials

By VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The country is expected to experience a critical moment with regards to fuel supply by June, says Economy Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

“I said the government is implementing measures to address the global fuel shortage amid the Middle East conflict, including exploring alternative raw materials.”

“June and July will be a very critical period in ensuring fuel supplies are available.”

“It will be equally important to ensure that our industries also have an ample supply of other raw materials, including those made using fuel (oil and gas).”

“We have already begun receiv-

ing complaints (from companies) about receiving only two tonnes of materials for orders of 10 tonnes,” he said after attending the SMK Taman Pelangi parent-teacher association meeting and handing over of aid here yesterday.

Akmal Nasrullah added that it is vital to take immediate steps to ensure the supply of materials, including medication and medical devices, remains stable.

“For example, in the manufacturing of medical devices that previously relied solely on resin, we can explore the use of polymer using other materials as its base.”

“However, this requires immediate follow-up action from the government, including recognition and certification of the material,” he said.

He added that the government

acknowledged that most goods, including medicines and medical devices, depended on oil and gas as a key input, which increased costs when energy prices rose.

“When fuel becomes an input element, it will certainly affect production costs and subsequently the prices of those goods,” he said.

In this regard, the government has asked the relevant agencies to thoroughly examine supply availability and arrange immediate intervention to ensure the supply chain remains stable.

Earlier, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the ministry is monitoring increases in the prices of medicines and medical devices of up to 40% following the global energy crisis and supply chain disruptions.



**Happy day:** Akmal Nasrullah (front row, centre) posing with teachers, parents and Students of SMK Taman Pelangi. — Bernama

## Haematologist shortage amid rising cases

**PETALING JAYA:** Malaysia faces a critical shortage of trained haematologists as the burden of blood-related disorders continues to rise.

While the ideal ratio is one specialist per 100,000 people, Malaysian Society of Haematology (MSH) president Prof Dr Gan Gin Gin noted there are only about 120 clinical haematologists nationwide.

Of these specialists, who manage everything from diagnosis to prevention, roughly 60% serve in the public sector.

The shortage was a key focus during a meeting between the MSH and the American Society of Hematology in Kuala Lumpur yesterday.

Dr Gan highlighted that while breakthrough treatments – such as chimeric antigen receptor (CAR) T-cell therapy and bispecific antibodies – are transforming outcomes for blood cancer patients, local access remains a hurdle.

These advanced therapies offer hope where conventional treatments fail, yet high costs and infrastructure gaps limit their availability in Malaysia and the broader region.

The meeting attracted a strong turnout of international experts and delegates from across the Asia-Pacific region and beyond, including India, Pakistan, Bangladesh, Vietnam, Japan, South Korea, Australia, New Zealand, Indonesia, the Philippines, Hong Kong, Singapore and Taiwan.

# Healing the healers: Destigmatising mental health care in healthcare workers

By VERA PILLAI

DOCTORS, dentists, nurses, pharmacists, allied health professionals (including mental health practitioners), and support staff form the backbone of Malaysia's

healthcare system. They dedicate their time to caring for their patients' recovery and well-being. However, the other side of that is that they often neglect their own physical and mental health.

Healthcare workers typically begin each consultation with patients by asking "How are you?", or "Are you feeling better?" – yet too often they neglect to ask themselves those questions.

Like everyone else, healthcare workers experience typical life stressors – family life issues like conflict with a family member maybe, or parenting a difficult child, as well as work issues, like a patient's sudden relapse perhaps. Unlike many, though,

healthcare workers are trained to put aside personal concerns to conduct themselves professionally and hold space for their patients. However, this may come at a cost if they neglect their own mental health.

National statistics show that 81.9% of Malaysian healthcare workers have reported personal and work-related burnout. While many have strong intentions to seek mental health help, they face obstacles such as perceived weakness in help-seeking, feelings of embarrassment, a preference to handle issues on their own, and challenges in finding time within a usually hectic schedule.

Past research has shown common factors of burnout include high workload and work-life conflict, which are linked to adverse health outcomes like depression, anxiety, sleep disorders, and intentions to quit their jobs.

This calls for greater care for these workers' wellbeing as part of the national healthcare system,

especially since they play a major role in supporting the weight of the nation's healthcare.

For many, seeking mental health help could feel like admitting a professional failing instead of addressing a health need. In a world that gives high praise to success, the acknowledgement of human imperfection is a hard pill to swallow.

Healthcare workers do not hesitate to tell patients to seek necessary consultations soonest possible, as a poor prognosis could result if there is delay. Yet, when it comes to themselves, help-seeking becomes denial or second-guessing health needs – not to mention embarrassment in having to say those three difficult words, "I need help".

These moments of personal weakness offer their own lessons, though. They could help healthcare staff better empathise with patients' delay in help-seeking and, hence, develop a greater appreciation for when patients

do seek help in a timely manner.

But for both patients and healthcare workers, seeking mental health help should never be seen as a sign of weakness but of courage and strength – patients and workers both must be reminded of this often.

Another barrier to seeking mental health help that is, arguably, unique to healthcare workers is finding the time to schedule the help they seek.

While seeking mental health help opens healthcare workers to moments of vulnerability in facing human limits and imperfections, it is the small inconveniences – complex booking systems, not knowing therapist preferences, unavailability of doctors – that can very quickly become an excuse to delay seeking help.

Moreover, the unknown often fuels our fear in seeking such help, throwing up questions like "How can therapy help me?" Therapy is a journey that allows us to objectively make sense of

our thoughts, face our own human imperfections, and have more compassion for our flaws as well as past pains. This makes room for gentler care towards ourselves in our personal wellbeing and journey of growth, and clears mental capacity for greater care for others.

Ultimately, no one can pour from an empty cup. Prioritising mental health care is not a sign of weakness, rather it makes for a more resilient, compassionate, and effective healthcare worker.

In conjunction with this year's World Health Day on April 7 especially, this writer calls on all fellow healthcare workers: Let us seek to fill our cup so we can better serve our patients.

**Dr Vera Pillai is a Sarawak-based clinical psychologist and the founder of the Mind Wave Psychological Centre. She also serves as a consultant clinical psychologist at a private specialist hospital in Miri.**

# Mandatory drug shortage feedback

Move among efforts to lessen impact of medicine supply disruptions, ensuring continuity after crisis subsides: Minister

**KUALA LUMPUR:** Malaysia will make it mandatory for pharmaceutical companies to report potential medicine shortages at least six months in advance beginning July 1, as part of efforts to strengthen readiness against global supply chain disruptions.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the measure, currently voluntary, is part of a broader shift towards proactive risk management to ensure continuity of medical supplies amid global uncertainties.

He said industry players have been given until April 15 to provide feedback on the availability of active

pharmaceutical ingredients and packaging materials to enable early intervention before shortages affect healthcare facilities.

"Firstly, of course, predictive monitoring and early warning. We have moved away from reactive management to a system of proactive risk anticipation, where the six-month rule (is implemented) through the National Pharmaceutical Regulatory Agency.

"We now require product registration holders to report potential medicine shortages or discontinuations at least six months in advance. So that is still very important," he said

when appearing on Bernama TV's *The Nation* programme titled "Protecting Medical Supplies in Uncertain Times" on Friday night.

Dzulkefly said the move is part of Malaysia's strategy to mitigate the impact of supply chain disruptions, which may persist even after the West Asian crisis subsides.

He added that the Health Ministry is maintaining a forward-looking strategy extending into the first quarter of 2027 to ensure continued resilience in the country's pharmaceutical logistics.

"At the ministry, our perspective is that the actual supply chain crunch often occurs as an after-effect of a crisis, which our simulation suggests could last for at least six months.

"So, our preparations are ongoing and independent of

any short-term geopolitical shift," he said.

He added that Malaysia is strengthening buffer stocks through a tiered system, with one to three months' supply at healthcare facilities and an additional two-month buffer at the concessionaire level, Bernama reported.

He added that Malaysia is diversifying import sources for medicines and medical devices to reduce reliance on any single market, while the Medical Device Authority has introduced rapid response mechanisms, including a special access pathway for critical equipment during crises.

Dzulkefly said the government is adopting a data-driven approach to stockpiling to minimise wastage, drawing lessons from the Covid-19 pandemic.

"Stockpiling requires

significant funding and warehouse space. So, our approach to this is to build on the concept of smart, strategic and being prudent."

Dzulkefly also said reserves would only be deployed under specific conditions such as significant supply disruptions, operational delays and public health emergencies.

He added that the current global situation has accelerated Malaysia's transition from being crisis-driven to becoming a more sustainable, self-reliant regional leader in healthcare manufacturing.

He added that the national medicine security policy under MyMedSecure is central to strengthening domestic capabilities, including reducing reliance on imports through local production of active pharmaceutical ingredients and critical finished products.

## GLOBAL ENERGY CRISIS

# GOVT ACTS ON RISING MEDICINE COSTS

Focus is on supply availability and reducing dependence on existing sources, says minister

AZIZI MAJID  
JOHOR BARU  
news@nst.com.my

**T**HE government will implement intervention measures and explore alternative raw materials to address the rising costs of medicines and medical devices caused by the global energy crisis.

Economy Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir said the government is focusing on supply availability and reducing dependence on existing sources.

"Immediate steps are necessary to ensure the supply of medicines and health devices remains stable and to avoid disruptions to the healthcare system."

He said this after opening the SMK Taman Pelangi Parent-Teacher Association meeting here yesterday.

For example, he said, in the manufacturing of medical devices that previously relied only on resin, the use of polymer-

based materials can be explored.

But, he said, this requires follow-up action from the government, including the recognition and certification of such material.

Akmal Nasrullah said these measures must be implemented promptly.

"That is why when we say we need to be ready for June and July, the intervention must be made now so that we do not face supply disruptions in the future."

He said the government acknowledged that most goods, including medicines and medical devices, depend on fuel as a primary input.

"When fuel is an input element, it will definitely affect production costs and subsequently the price of those goods," he said.

He said the government has directed implementing agencies to conduct studies on supply availability and take intervention steps.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad on Friday said the ministry was monitoring price increases of up to 40 per cent for medicines and health devices.

He said medicine prices are estimated to rise between 30 and 40

per cent, while some medical devices have seen increases of up to 100 per cent.

In **Shah Alam**, Deputy Works Minister Datuk Seri Ahmad Maslan said a proposal to activate the Variation of Price clause for construction materials will be submitted to the Finance Ministry and the Economy Ministry soon.

He was quoted by Bernama as saying that the proposal stemmed from discussions with contractors' associations last week, which reported an increase in construction material costs of between 20 and 30 per cent.

"We hope for a study to be conducted using data from the Department of Statistics Malaysia so that the increase in construction material prices can be accurately determined.

"The authority to approve this lies with the Finance Ministry, with reference to the Economy Ministry.

"We are only conveying the request from contractors' associations to activate the VOP."

He said this after attending the Universiti Teknologi Mara Sports Awards at Dewan Agung Tuanku Canselor, UITM Shah Alam, yesterday.



Akmal Nasrullah  
Mohd Nasir

# INSURANCE PILOT PROJECT TO ADDRESS GAPS IN SYSTEM

Initiative a step forward for country, says deputy minister

## KUALA LUMPUR

**T**HE Malaysian insurance and takaful industry is expected to address structural gaps in the Malaysia Health Insurance and Takaful Initiative (MHIT) when the pilot programme for the scheme is launched in the second half of the year.

Deputy Finance Minister Liew Chin Tong said he was optimistic about the initiative and that it was a significant step forward for the nation.

"Everything is set for the pilot and preparations are good in the second half of the year.

"Once the pilot kicks off, we will deal with whatever challenges arise," he said on the sidelines of Monie Fest 2026 here yesterday.

Monie Fest 2026 is a financial lifestyle festival focused on money, investing, banking and everyday financial decisions, co-created by Foodie Media Bhd and Spire Digital Sdn Bhd.

In his opening remarks, Liew said the Health Ministry, Finance Ministry and Bank Negara

Malaysia collaborated to launch the "RESET" strategy, a whole-of-nation effort to address the root causes of medical inflation.

He noted that under RESET, the base MHIT plan will be launched next year, and he hoped for a groundswell of public support to reshape the healthcare sector.

"The insurance plan will have co-payment features, through which it will regulate the behaviour of private hospitals.

"Policyholders will pay lower co-payments when they seek treatment at healthcare facilities that charge moderate fees with fee transparency, while those charging 'premium' fees will result in higher co-payments.

"There should be no compromise on the quality of healthcare in both categories.

"The tentative terms are Tier 1 (good behaviour) and Tier 2 (premium and expensive) hospitals," he said.

In January, Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah said Bank Negara will strengthen regulatory requirements for MHIT products following the introduction of a standardised base plan, aimed at improving consumer protection and ensuring long-term premium sustainability.

The full implementation of MHIT, which will be offered on a voluntary basis, is targeted for early 2027. **Bernama**

# Perkukuh muafakat ASEAN tangani kenaikan harga ubat, alat kesihatan

## Kerjasama serantau mampu bangunkan ekosistem farmaseutikal lebih mampan

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerjasama serantau menerusi ASEAN wajar diperkukuh bagi memastikan pendekatan lebih berkesan dalam menangani isu kenaikan harga ubat dan peranti kesihatan susulan krisis tenaga akibat konflik di Asia Barat.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, berkata kenaikan harga ubat dan peranti kesihatan sehingga 40 peratus adalah situasi yang benar-benar berlaku dan tidak hanya membabitkan Malaysia, sebaliknya banyak negara lain yang terkesan akibat gangguan rantaian bekalan global.

"Justeru, kerjasama serantau dan antarabangsa perlu dipergiat.

Malaysia berpotensi memainkan peranan kepimpinan dalam ASEAN dengan menggalakkan pengkhususan pengeluaran ubat dalam kalangan negara anggota.

"Kerjasama dengan negara seperti Australia, China, India, Jepun dan Korea Selatan juga boleh diperkukuh bagi membangunkan ekosistem farmaseutikal lebih mampan," katanya kepada BH.

Sebelum ini, BH melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) sedang memantau kenaikan harga ubat dan peranti kesihatan

sehingga 40 peratus susulan krisis tenaga global akibat konflik di Asia Barat, yang turut dipengaruhi peningkatan kos logistik dan gangguan rantaian bekalan.

Mengulas lanjut, Amrahi berkata, konflik seperti di Gaza perlu dijadikan pengajaran bahawa krisis kemanusiaan dan gangguan bekalan boleh berlaku pada bila-bila masa.

Beliau menegaskan pesakit perlu terus mematuhi rawatan yang ditetapkan serta mendapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya berlaku kekurangan ubat.

Katanya, peranan ahli farmasi komuniti amat penting dalam memastikan orang ramai mendapat maklumat tepat mengenai ubat-ubatan, termasuk ubat tanpa preskripsi (OTC), suplemen, nutrisi dan ubat tradisional.

"Semua ubat di Malaysia wajib didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (NPPRA) dan status pendaftaran boleh di semak di farmasi," katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya berwaspada terhadap penipuan ubat di media sosial termasuk promosi produk tidak sah menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI), serta menyokong kempen 'Tolak Ubat Tidak Sah (TOBAT)'.



Dalam pada itu, usaha turut diperkukuh melalui kerjasama dengan platform e-dagang seperti Shopee bagi memastikan hanya farmasi berdaftar dibenarkan beroperasi.

### Keterjaminan bekalan ubat

Amrahi berkata, farmasi berdaftar mempunyai stok fizikal di Malaysia serta tertakluk kepada pemantauan pihak berkuasa, selain menawarkan perkhidmatan penghantaran ubat dan konsultasi jarak jauh.

Mengimbangi pandemik COVID-19, beliau berkata, keterjaminan bekalan ubat adalah aspek kritikal yang perlu diberi

perhatian berterusan, yang kini diterjemahkan melalui inisiatif seperti MyMediSecure.

Bagaimanapun, beliau mengakui Malaysia masih bergantung kepada import ubat hampir 70 peratus termasuk bahan aktif farmaseutikal (API) dari China dan India, sekali gus terdedah kepada risiko gangguan rantaian bekalan global.

Selubungan itu, katanya, industri farmaseutikal tempatan perlu diperkukuh termasuk penghasilan produk halal serta sokongan kerajaan melalui pelan industri dan jaminan pembelian bagi menggalakkan pengeluaran tempatan.

**Konflik seperti di Gaza perlu dijadikan pengajaran bahawa krisis kemanusiaan dan gangguan bekalan boleh berlaku pada bila-bila masa**

Amrahi Buang, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia



## Kerajaan cari alternatif elak bergantung sumber sedia ada

**Johor Bahru:** Kerajaan akan mengambil langkah intervensi serta meneroka sumber alternatif bahan mentah bagi menangani kenaikan harga ubat-ubatan dan peranti kesihatan susulan krisis tenaga global akibat konflik di Asia Barat.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata antara fokus utama ketika ini adalah menjamin ketersediaan bekalan selain mengurangkan ketergantungan kepada sumber sedia ada.

Beliau berkata, langkah segera perlu diambil bagi memastikan bekalan ubat dan peranti kesihatan kekal stabil serta mengelakkan gangguan yang boleh memberi implikasi besar kepada sistem kesihatan negara.

"Sebagai contoh, dalam pembuatan peranti perubatan yang sebelum ini bergantung kepada resin, kita boleh meneroka penggunaan bahan berasaskan polimer sebagai alternatif.

"Bagaimanapun, perkara ini memerlukan tindakan susulana segera termasuk pengiktirafan dan persijilan terhadap bahan berkenaan," katanya selepas me-

rasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pelangi, di sini, semalam.

Akmal Nasrullah berkata, persediaan awal penting bagi menghadapi kemungkinan tekanan bekalan dan kenaikan harga dijangka sekitar Jun dan Julai ini.

"Intervensi perlu dilaksanakan dari sekarang supaya kita tidak berdepan gangguan bekalan pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan turut mengakui kebanyakan barang, termasuk ubat-ubatan dan peranti kesihatan bergantung kepada tenaga bahan api sebagai input utama, sekali gus menyebabkan peningkatan kos apabila harga tenaga meningkat.

"Apabila bahan api menjadi elemen input, ia memberi kesan langsung kepada kos pengeluaran dan seterusnya harga barangan," katanya.

Selubungan itu, kerajaan sudah mengarahkan agensi pelaksana berkaitan untuk meneliti secara mendalam ketersediaan bekalan serta merangka langkah intervensi segera bagi memas-



Akmal Nasrullah menyerahkan cek selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pelangi, di Johor Bahru, semalam. (Foto Najmi Nor'azam/BH)

tikan rantaian bekalan kekal stabil.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, memaklumkan kementerianya sedang memantau kenaikan harga ubat dan peranti kesihatan yang mencecah sehingga 40 peratus susulan krisis tenaga global serta gangguan rantaian bekalan

akibat konflik di Asia Barat

Katanya, kenaikan harga ubat dianggarkan antara 30 hingga 40 peratus, manakala beberapa peranti perubatan mencatat peningkatan lebih tinggi sehingga 100 peratus.

Beliau berkata, kenaikan kos itu mula berlaku sebelum Mac apabila pemain industri menang-

guhkan bekalan, sekali gus menyebabkan harga meningkat lebih awal di pasaran.

Langkah intervensi kerajaan dijangka membantu menstabilkan bekalan, mengawal tekanan kos serta memastikan rakyat terus mendapat akses kepada ubat-ubatan dan peranti kesihatan pada harga berpatutan.

## Isu penghijrahan jururawat

# Perkenal pelbagai elaun, naikkan gaji tarik minat jadi jururawat

Beban tugas tidak seiring kadar upah buat generasi muda kurang minat

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) meminta kerajaan memperkenalkan pelbagai elaun tambahan serta menaikkan kadar gaji jururawat bagi menarik minat generasi muda menceburi bidang kejururawatan.

Presidennya, Saaidah Athman, berkata isu kekurangan jururawat di negara ini semakin kritikal dengan beban tugas yang ditanggung tidak seiring dengan kadar upah diterima.

## 17 tahun tidak dikaji

"Ini kerana kadar Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) sudah 17 tahun tidak dikaji dan perkara itu antara yang sering dibangkitkan oleh MNU bersama kerajaan. "Beberapa siri libat urus bersetua-

“Elaun pos basik yang diterima jururawat KKM hanya RM100. Selain BIPB, kita juga mahu KKM memperkenalkan elaun lain seperti elaun syif serta menaikkan kadar gaji jururawat di Malaysia”

Saaidah Athman,  
Presiden Kesatuan  
Jururawat Malaya



ma pengurusan tertinggi Kementerian Kesihatan (KKM) turut membincangkan isu ini, termasuk cadangan menaikkan BIPB.

"Elaun pos basik yang diterima jururawat KKM hanya RM100. Selain BIPB, kita juga mahu KKM memperkenalkan elaun lain seperti elaun syif serta menaikkan kadar gaji jururawat di Malaysia," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dilaporkan berkata KKM sedang mempertimbangkan kenaikan upah atau elaun jururawat dalam usaha menangani 'perang gaji' bagi mengelakkan penghijrahan

ke luar negara.

Beliau berkata, selain meningkatkan pengambilan jururawat, penambahbaikan elaun termasuk *post-basic* akan dipertimbangkan dalam Program Kejururawatan.

Pengumuman itu susulan laporan *BH* sebelum ini yang mendedahkan kajian MBSB Research mendapati kadar kekosongan jawatan jururawat di pasaran tempatan berada pada tahap kritikal sekitar 15 hingga 18 peratus pada tahun ini.

Fenomena kekurangan tenaga kerja itu turut mencetuskan persaingan sengit dalam sektor kesihatan swasta yang terpaksa



menawarkan kenaikan gaji serta bonus kesetiaan bagi mengekalkan jururawat daripada berhijrah ke luar negara seperti Singapura dan Asia Barat.

Dalam pada itu, Saaidah turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan atas pertimbangan menaikkan kadar upah dan elaun jururawat di negara ini.

lokal

# RISIKO LAMBAKAN DOKTOR GIGI 5 TAHUN LAGI

*Pengeluaran graduan bakal atasi keperluan sistem kesihatan jika tiada intervensi*

Oleh **Muhamaad Razis Ismail**  
razis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia berdepan risiko lambakan doktor perigian dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang sekiranya tiada intervensi strategik dilaksanakan bagi menyelaraskan pengeluaran graduan dengan keperluan

sebenar sistem kesihatan negara.

Presiden Persatuan Doktor Perigian Malaysia (MDA), Dr Chong Zhen Feng berkata, situasi semasa sudah menunjukkan tanda awal ketidakpadanan antara jumlah graduan dan keupayaan sistem untuk menyerap tenaga kerja berkenaan.

Katanya, istilah 'optimum' tidak boleh dinilai berdasarkan nisbah doktor perigian kepada populasi semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira faktor struktur dan kapasiti sistem.

"Walaupun terdapat 14,720 pengamal perigian aktif setakat 2024, cabaran sebenar adalah ketidakseimbangan pengagihan antara negeri serta ketidakpadanan antara bilangan doktor dengan kapasiti rawatan, khususnya di sektor awam.

"Selain itu, struktur sistem sedia ada masih belum mampu memanfaatkan tenaga kerja secara optimum," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, keadaan

semasa turut memberi kesan ketara kepada peluang pekerjaan graduan baharu, terutama dari segi ketidakpastian laluan kerjaya.

"Dengan 788 pendaftaran baharu pada tahun lalu, aliran graduan kekal tinggi, namun peluang dalam sektor awam adalah terhad dan tidak semua kontrak disambung, manakala persaingan dalam sektor swasta semakin meningkat," katanya.

Menurutnya, walaupun peluang masih wujud dalam sektor swasta, keusahawanan, akademik dan industri, ia memerlukan sokongan ekosistem yang lebih kukuh bagi memastikan graduan dapat berkembang.

"Antara cabaran utama graduan baharu termasuk ketidakseimbangan jumlah graduan dan penempatan klinikal, kos tinggi untuk membuka klinik swasta, akses terhad kepada latihan lanjutan serta kekurangan untuk

meneroka laluan kerjaya alternatif," katanya.

Ditanya mengenai kualiti perkhidmatan, beliau menegaskan peningkatan bilangan doktor perigian tidak semestinya meningkatkan akses atau mutu rawatan secara automatik.

"Isu kapasiti fasiliti yang terhad, beban pesakit tinggi dan tempoh menunggu panjang di sektor awam masih menjadi cabaran utama.

"Dalam masa sama, persaingan yang semakin tinggi di sektor swasta berisiko mencetuskan perang harga, peningkatan kos operasi serta tekanan terhadap kelestarian amalan klinikal," katanya.

Dr Chong berkata, keadaan itu boleh memberi kesan kepada masa rawatan setiap pesakit, pemilihan bahan serta pelaburan semula dalam teknologi dan peningkatan kualiti.

Sehubungan itu, MDA mencadangkan kerajaan mempertimbangkan semula moratorium pengambilalihan pelajar perigian bagi memastikan pengeluaran graduan selari dengan keperluan negara, kapasiti latihan dan peluang pekerjaan sebenar.

"Selain itu, perancangan tenaga kerja perlu berasaskan data, diselaraskan dengan

peluang pekerjaan, memperluas kapasiti rawatan sektor awam serta mengukuhkan ekosistem sektor swasta termasuk melalui kerjasama awam-swasta," katanua.

Beliau turut menegaskan isu akses masih wujud di Sabah, Sarawak dan kawasan pedalaman yang memerlukan insentif kewangan, sokongan infrastruktur serta galakan kepada sektor swasta untuk berkembang di kawasan kurang liputan.

"Pendekatan seimbang dan berasaskan data amat penting bagi memastikan akses rawatan kepada rakyat terus terjamin serta masa depan profesion perigian kekal mampan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Malaysia kini mencapai nisbah pengamal perigian kepada penduduk pada tahap optimum mengikut piawaian antarabangsa, sekali gus menunjukkan kapasiti profesional dalam bidang itu mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Ahli Dewan Negara, Dr Lingshwaran R. Arunasalam dipetik berkata, perkembangan itu memberi gambaran jelas bahawa sistem kesihatan negara tidak lagi berdepan kekurangan tenaga doktor gigi.



SERAMAI 14,720 pengamal perigian aktif direkodkan setakat 2024.

**“ Dengan 788 pendaftaran baharu pada tahun lalu, aliran graduan kekal tinggi ”**  
Zhen Feng

## Cari jalan tangani kenaikan harga ubat

**Johor Bahru:** Kerajaan akan mengambil langkah intervensi dan meneroka sumber alternatif bahan mentah baharu bagi menangani kenaikan harga ubat-ubatan dan peranti kesihatan susulan krisis tenaga global akibat konflik di Asia Barat.

Menteri Ekonomi Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, antara fokus utama kerajaan ketika ini adalah menjamin ketersediaan bekalan serta mencari alternatif bahan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber sedia ada.

Katanya, langkah segera itu perlu diambil daripada sekarang bagi memastikan bekalan ubat dan peranti kesihatan kekal stabil selain

mengelakkan gangguan yang boleh memberi implikasi lebih besar kepada sistem kesihatan negara.

"Contohnya, daripada segi pembuatan peranti perubatan yang sebelum ini hanya bergantung kepada resin, kita boleh meneroka penggunaan bahan berasaskan polimer sebagai alternatif.

"Namun perkara ini memerlukan tindakan susulan segera daripada kerajaan termasuk pengiktirafan dan persijilan terhadap bahan itu," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pelangi di sini, semalam.

**Kuala Lumpur:** Malaysia akan mewajibkan syarikat farmaseutikal melaporkan kemungkinan kekurangan bekalan ubat sekurang-kurangnya enam bulan lebih awal bermula 1 Julai 2026, sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi gangguan rantaian bekalan global.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata langkah itu yang ketika ini bersifat sukarela, merupakan sebahagian daripada peralihan lebih luas ke arah pengurusan risiko secara proaktif bagi memastikan kesinambungan bekalan dalam keadaan ketidakpastian global.

Beliau berkata, pemain industri diberi tempoh hingga 15 April untuk memberikan maklum balas mengenai ketersediaan bahan farmaseutikal aktif

## Wajib lapor kekurangan ubat 6 bulan lebih awal

dan bahan pembungkusan bagi membolehkan intervensi awal dilaksanakan sebelum kekurangan memberi kesan kepada fasiliti kesihatan.

"Pertama, sudah tentu pemantauan ramalan dan amaran awal. Kita beralih daripada pengurusan reaktif kepada sistem jangkaan risiko secara proaktif, dengan peraturan enam bulan itu (dilaksanakan) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

"Kami kini mewajibkan pemegang pendaftaran produk (PRH) melaporkan kemungkinan kekurangan atau penamatan bekalan ubat sekurang-kurangnya enam bulan lebih awal. Ja-

di, perkara itu sangat penting," katanya dalam program The Nation terbitan Bernama TV bertajuk 'Melindungi Bekalan Perubahan dalam Tempoh Ketidaktentuan', kelmarin.

Dzulkefly berkata, langkah itu merupakan sebahagian daripada strategi Malaysia untuk mengurangkan kesan gangguan rantaian bekalan, yang mungkin berterusan walaupun selepas krisis Asia Barat berakhir.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) mengekalkan strategi memandang ke depan hingga suku pertama 2027 bagi memastikan daya tahan berterusan dalam logistik

farmaseutikal negara.

"Di KKM, pandangan kami ialah tekanan sebenar rantaian bekalan lazimnya berlaku sebagai kesan susulan sesuatu krisis, yang boleh berlarutan sekurang-kurangnya enam bulan. Oleh itu, persediaan kami adalah berterusan dan tidak bergantung kepada sebarang perubahan geopolitik jangka pendek," katanya.

Mengenal kesiapsiagaan stok, beliau berkata Malaysia sedang memperkukuh stok penampungan melalui sistem berperingkat, dengan bekalan satu hingga tiga bulan di fasiliti kesihatan dan tambahan penampungan dua bulan di peringkat konsesi.



PIHAK kesihatan menggunakan kaedah saintifik yang perlahan dan teliti untuk mengesahkan fakta.

# MITOS KESIHATAN BAHAYAKAN NYAWA

Masih ada individu 'terperangkap' kepercayaan diwarisi turun-temurun sehingga enggan menjalani rawatan moden

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin  
asyikin@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Mandi malam boleh menyebabkan paru-paru berair. Ini salah satu antara ribuan mitos kesihatan yang masih dipercayai sebahagian masyarakat hingga ke hari ini.

Mereka 'terperangkap' dengan mitos kesihatan yang diwarisi sejak dahulu dan dipercayainya walaupun tidak pernah dibuktikan secara saintifik.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, mitos kesihatan wujud disebabkan beberapa faktor antaranya ialah budaya dan tradisi.

Menurutnya, apabila kepercayaan sesuatu amalan dilihat 'berkesan' terhadap seseorang, maka ia terus dipercayai dan 'diwariskan' kepada generasi seterusnya.

"Satu lagi faktor ialah tahap literasi kesihatan yang masih rendah. Tidak semua masyarakat menerima maklumat dengan tepat atau menilainya secara kritikal.

"Masih ramai yang bergantung kepada maklumat secara tradisional seperti cerita dari mulut ke mulut atau informasi turun-temurun (walaupun ada yang benar).

"Selain itu, terpengaruh dengan maklumat tidak tepat di media sosial, yang ada kalanya mempromosi sesuatu demi keuntungan atau tontonan semata-mata.

"Ada maklumat di media sosial itu tepat, tetapi tidak

ada pihak yang mengesahkannya, maka ada kalanya maklumat ini akhirnya menjadi salah atau ditokok tambah dan akhirnya orang ramai terpedaya," katanya.

Katanya, terlalu taasub dengan mitos kesihatan hingga enggan menjalani rawatan moden adalah tindakan tidak wajar.

"Ini kerana ianya boleh menimbulkan beberapa ri-

siko seperti penyakit tidak sembuh, komplikasi, kos perubatan tinggi dan beban penyakit meningkat.

"Pesakit sepatutnya menerima maklumat daripada pelbagai sumber, termasuk keluarga dan pakar, sebelum membuat keputusan terbaik untuk kesihatan mereka.

"Hanya bergantung maklumat satu pihak boleh menghadkan pemahaman dan

menjejaskan proses pemulihan," katanya.

Katanya, sukar menghapuskan mitos kesihatan selagi taraf kehidupan masyarakat tidak dipertingkatkan.

"Keadaan itu membuka ruang kepada pihak tertentu mengambil kesempatan demi kepentingan sendiri, sekali gus merugikan masyarakat secara keseluruhan," katanya.

**Kuala Lumpur:** "Jadilah masyarakat bijak dan tinggalkan sesuatu yang mudaratkan."

Itu nasihat Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar kepada sebilangan masyarakat yang masih mempercayai mitos kesihatan.

Beliau berkata, masyarakat perlu memahami perubatan moden adalah perubatan yang berasaskan bukti melalui proses ujian klinikal yang ketat sebelum sesuatu rawatan diluluskan untuk digunakan.

"Menolak rawatan seperti penggunaan insulin untuk kencing manis atau antibiotik bagi jangkitan kuman, semata-mata kerana mitos boleh membawa mudarat yang serius, termasuk kematian.

"Selain itu menggunakan pendekatan integratif dan bukannya alternatif. Jika ingin mengamalkan petua tradisional, lakukannya secara selari dengan rawatan doktor, bukan menggantikan rawatan doktor," katanya.

Dr Zainal Ariffin berkata, maklumkan kepada doktor

## Perubatan moden berasaskan bukti



Perubatan moden dan tradisional boleh berjalan seiring jika dilakukan dengan selamat serta terkawal"

Dr Zainal Ariffin

mengenai apa yang diamalkan, supaya doktor dapat memantau kesannya.

"Perubatan moden dan tradisional boleh berjalan mudarat yang serius, termasuk kematian.

"Satu lagi nasihat ialah membudayakan konsep seimbang dan mengimbang, sebelum mempercayai sesuatu mitos atau nasihat kesihatan," katanya.

Menurutnya, cabaran terbesar dihadapi pakar perubatan dalam membetulkan salah faham mitos

kesihatan ialah komunikasi risiko dan kepercayaan dalam dunia pasca kebenaran (post-truth).

"Apabila doktor bercakap berdasarkan sains, ia dilihat bercanggah dengan 'kebijaksanaan orang ramai' yang sudah lama diamalkan.

"Cabarannya ialah untuk membetulkannya tanpa kelihatan seperti memandang rendah tradisi atau kebijaksanaan orang lama," katanya.

Kata Dr Zainal Ariffin, aspek kedua adalah kepantasan penyebaran maklumat palsu. Pihak kesihatan menggunakan kaedah saintifik yang perlahan dan teliti untuk mengesahkan fakta.

"Sebaliknya, berita palsu dan mitos tersebar dalam sekelip mata melalui video TikTok atau status WhatsApp yang menarik emosi. Kepantasan penyebaran ini sukar dikawal pihak kesihatan," katanya.

DALAM era kemajuan teknologi perubatan moden, amat mengejutkan apabila kepercayaan karut dan pelbagai pantang larang tidak berasas masih teguh diamalkan dalam masyarakat.

Nasihat turun-temurun ini tanpa berpaksikan sains atau sekadar 'warisan' lisan masih terus diamalkan biarpun tanpa bukti saintifik.

Masyarakat dilihat masih berput pada mitos dan pantang larang yang sebenarnya tidak mempunyai asas perubatan yang kukuh.

Jika terus dibiarkan tanpa pencerahan, kepercayaan karut ini bukan sahaja boleh melambatkan rawatan malah ada antaranya berisiko mengancam nyawa.

Antara 20 mitos yang kerap diamalkan dan diyakini masyarakat adalah:

- Mitos:** Minum ais dalam pantang menyebabkan rahim beku.  
**Fakta:** Suhu air berubah kepada suhu badan apabila masuk ke perut. Ia tidak membekukan darah atau kembang urat.
- Mitos:** Cabut satu akar tumbuh 10 uban.  
**Fakta:** Satu folikel ada satu akar. Mencabutnya hanya merosakkan akar itu dan bukan menggandakan uban.
- Mitos:** Cuci rambut ketika haid, menyebabkan masuk angin dan darah haid membeku.  
**Fakta:** Air di kepala tidak boleh tembus ke rahim. Tidak cuci rambut menyebabkan jangkitan bakteria dan tekanan.
- Mitos:** Mandi malam menyebabkan paru-paru berair.  
**Fakta:** Air paip tidak boleh tembus kulit dan air di paru-paru berpunca daripada komplikasi jantung, penyakit tisu serta masalah buah pinggang.
- Mitos:** Bentuk perut menentukan jantina bayi.  
**Fakta:** Bentuk perut bergantung kepada saiz dan posisi bayi, bukan jantina.
- Mitos:** Cabut gigi menyebabkan mata kabur atau buta.  
**Fakta:** Cabang saraf ke bahagian mata dan bahagian gigi adalah berlainan.
- Mitos:** Ibu hamil tidak boleh membuat rawatan pergisian.  
**Fakta:** Rawatan pergisian boleh dilakukan sepanjang kehamilan seperti tampalan dan penselaran.
- Mitos:** Makan sup ketam boleh membantu merawat demam denggi.  
**Fakta:** Tiada kajian saintifik membuktikan demam denggi mampu disembuhkan dengan memakan sup ketam.
- Mitos:** Telur penyebar luka bernanah.  
**Fakta:** Telur sumber protein terbaik untuk bantu penyembuhan luka.
- Mitos:** Kicap menghitamkan kesan parut.  
**Fakta:** Parut menjadi gelap disebabkan oleh keradangan, jangkitan atau pendedahan matahari semasa proses penyembuhan.
- Mitos:** Nanas menyebabkan keguguran.  
**Fakta:** Kandungan enzim bromelain yang rendah dalam nanas tidak menyebabkan keguguran, jika diambil dalam jumlah sederhana.
- Mitos:** Minum air sejuk menyebabkan kegemukan.  
**Fakta:** Air sejuk sifar kalori dan tidak mengandungi lemak, karbohidrat atau protein yang boleh menambah berat badan.
- Mitos:** Air detoks membuang toksin.  
**Fakta:** Hati dan buah pinggang adalah organ utama detoksifikasi tubuh.
- Mitos:** Gula perang bagus untuk kesihatan berbanding gula putih.  
**Fakta:** Jumlah kalori atau tenaga kedua-dua gula ini adalah sama.
- Mitos:** Telur punca tinggi kolesterol.  
**Fakta:** Kuning telur kaya nutrisi seperti kolin, lutein dan vitamin. Peningkatan kolesterol lebih dipengaruhi oleh lemak tepu.
- Mitos:** Minum air kelapa semasa hamil menjadikan kulit bayi putih.  
**Fakta:** Warna kulit bayi ditentukan oleh faktor genetik ibu bapa.
- Mitos:** Wanita dalam pantang tidak boleh minum banyak air.  
**Fakta:** Perlu minum banyak air untuk membantu penghasilan susu, mengelakkan sembelit dan darah beku.
- Mitos:** Bayi demam sebab tumbuh gigi.  
**Fakta:** Lazimnya demam disebabkan oleh jangkitan.
- Mitos:** Derma darah menyebabkan gemuk.  
**Fakta:** Sebenarnya proses menderma satu beg darah membakar kira-kira 650 kalori.
- Mitos:** Ubat hospital merosakkan buah pinggang.  
**Fakta:** Puncu kerosakan buah pinggang disebabkan kencing manis, darah tinggi tidak terkawal dan keradangan.